

SULIT



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2014

1249/3

SEJARAH

Kertas 3

Nov./Dis.

3 jam

Tiga jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi satu **Tugasan Spesifik**.*
2. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang di dalam buku jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
3. *Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.*
4. *Calon dibenarkan membawa masuk dokumen seperti buku teks, bahan bacaan ilmiah, nota bertulis atau bahan fotostat dan bahan bercetak ke dalam dewan/bilik peperiksaan.*
5. *Calon **tidak dibenarkan sama sekali** membawa alat atau peranti elektronik ke dalam bilik/dewan peperiksaan.*
6. *Anda hendaklah menjawab berdasarkan kerangka jawapan yang disediakan.*
7. *Anda dinasihati supaya membuat perancangan masa yang bersesuaian dengan peruntukan markah yang diberikan.*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Tugasan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

1249/3 © 2014 Hak Cipta Kerajaan Malaysia



TUGASAN SPESIFIK

Selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963, jentera pentadbiran kerajaan Malaysia telah diperkemas berasaskan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen.

Bincangkan tentang demokrasi di Malaysia dan kepentingannya.

Aspek	Perincian	Markah
Pengenalan	1. Maksud demokrasi berparlimen.	5 markah
Isi dan Huraian	2. Ciri-ciri demokrasi berparlimen yang diamalkan di Malaysia.	30 markah
	3. Peranan badan-badan pemerintah dalam sistem pemerintahan di Malaysia.	15 markah
	4. Kebaikan demokrasi dan kesannya terhadap rakyat Malaysia.	10 markah
	5. Peranan warga Malaysia untuk menggunakan demokrasi dengan sebaik mungkin.	10 markah
	6. Terdapat pihak yang mempertikaikan amalan demokrasi di Malaysia. (a) Mengapakah keadaan tersebut berlaku? (b) Berikan cadangan anda untuk menghapuskan persepsi negatif tersebut.	10 markah
	7. Huru-hara berlaku di banyak negara yang mengamalkan sistem demokrasi kini. (a) Mengapakah huru-hara tersebut berlaku? (b) Bagaimanakah huru-hara tersebut dapat diselesaikan?	10 markah

Aspek	Perincian	Markah
	8. Iktibar yang diperoleh berdasarkan tajuk yang dikaji.	5 markah
Kesimpulan	9. Membuat kesimpulan keseluruhan isi yang telah dibincangkan: (a) Pengetahuan yang diperoleh. (b) Nilai / unsur patriotisme berdasarkan tajuk. (c) Harapan menjadikan bangsa dan negara Malaysia cemerlang dan terbilang.	5 markah

KERTAS SOALAN TAMAT